

Permohonan dua bulan bonus daripada CUEPACS dikaji — PM

UM 4 AUG 2002

LANGKAWI 3 Ogos Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengkaji permohonan daripada Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) untuk mendapatkan bonus dua bulan gaji kepada kakitangan awam pada tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, pemberian bonus itu bagaimanapun bergantung kepada prestasi ekonomi negara dan kemampuan kerajaan.

“Semua permintaan kita kaji tetapi kaji tidak bermakna kita bersetuju, dan kadang-kadang orang pelik sedikit (kerana menganggap)

bila kata kita kaji (seolah-olah) kita bersetuju.

“Mereka boleh minta (tetapi) kita boleh berikan sebanyak mana yang kita mampu sahaja,” tegasnya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar pada hari terakhir Dialog Perkongsian Pintar Global 2002 di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan mengulas kenyataan CUEPACS semalam yang melahirkan harapan supaya 960,000 kakitangan awam diberikan bonus sebanyak dua bulan gaji pada tahun ini.

CUEPACS juga berharap

Dr. Mahathir akan menyebut soal bonus itu semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Parlimen pada 20 September ini.

Antara alasan CUEPACS kepada kerajaan untuk menyokong permintaan mereka adalah berdasarkan pertumbuhan ekonomi negara, sokongan padu kakitangan kepada pemerintah dan sebagai persediaan untuk persekolahan anak-anak.

Ditanya sama ada keadaan ekonomi negara mengizinkan kerajaan memenuhi permohonan CUEPACS, Perdana Menteri memberitahu beliau tidak boleh memberikan

gambaran sama ada kerajaan mempunyai kemampuan bagi membayar bonus dua bulan itu kerana perangkaan terbaru ekonomi negara belum diperolehnya.

“Saya belum tengok lagi (prestasi ekonomi) pada suku ketiga dan keempat (malah) perangkaan suku kedua pun belum dapat lagi,” jelas Dr. Mahathir.

Pada perkembangan yang sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman turut memberitahu bahawa permohonan itu perlu diteliti terlebih dahulu

■ Lihat muka 4

Permohonan dua bulan bonus daripada CUEPACS dikaji — PM

UM 4 AUG 2002

kerana ia bergantung kepada kemampuan kewangan negara.

“Saya belum melihat permohonan daripada CUEPACS. Seperti biasa sebagai kesatuan, CUEPACS akan membuat permohonan dan ia akan ditimbang oleh kerajaan,” katanya kepada pemberita pada majlis yang sama.

Pada Belanjawan 2002, Dr. Mahathir mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 kepada kakitangan awam dan kenaikan gaji pokok 10 peratus mulai Januari lalu.

Sementara itu, *Bernama* hari ini melaporkan Presiden CUEPACS, Datuk N.Siva Subramaniam sebagai berkata, beliau yakin kerajaan akan memberi pertimbangan sewajarnya kepada permintaan pertubuhan itu.

Beliau bagaimanapun berkata, pihaknya tidak akan membuat tekanan kepada kerajaan dalam perkara itu tetapi menggesa kakitangan kerajaan supaya terus menumpukan usaha meningkatkan produktiviti.